

37 keluarga di Kemaman dipindahkan

Kuala Terengganu: Hujan lebat di beberapa daerah dalam tempoh 24 jam menyebabkan beberapa kawasan rendah, terutama di pedalaman Kemaman dinaiki air.

Berikutan itu, 140 orang daripada 37 keluarga di Kampung Padang Kubu, Kemaman dipindahkan ke Balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Padang Kubu dan berek pegawai Padang Kubu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Daerah Kemaman, berkata sehingga jam 8 malam tadi, rumah mangsa ditenggelami air antara 0.5 meter hingga 1 meter.

Katanya, jika hujan berterusan, mangsa perpindahan dijangka bertambah.

Melebihi paras bahaya

Sementara itu, portal Jabatan Parit dan Saliran Terengganu mencatatkan Sungai Besut di Jambatan Keruak sudah melebihi paras bahaya 35 meter kerana merekodkan bacaan 35.11 meter pada jam 3.30 petang semalam.

Dua sungai lagi melepasi aras amaran iaitu Sungai Dungun di Pasir Raja pada 36.05m (amaran 36m) dan Sungai Tebak di Jambatan Tebak, Kemaman, pada tahap 18.3 m (amaran 18.30m).

Selain itu, dua sungai melepasi aras waspada adalah Sungai Besut di Kampung La (17.20m) dan Sungai Kemaman di Air Putih mencecah 13.04m (aras waspada 12.50m).

Sementara itu, dua jalan utama di pedalaman Kemaman ditutup kepada semua kenderaan selepas dinaiki air sejak jam 3 petang semalam.